

17 MAY 2003

Pekerja-Tokoh

PENERBIT TV3 DIPILIH SEBAGAI TOKOH PEKERJA PEREMPUAN 2003

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Penerbit kanan TV3 Mazlin Nordin dipilih sebagai Tokoh Pekerja Perempuan, manakala pegawai kanan pengeluaran sebuah syarikat di Melaka, Muhammad Nabil Vethivell Abdullah sebagai Tokoh Pekerja Lelaki sempena perhimpunan Hari Pekerja 2003 di sini hari ini.

Mereka berdua menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan itu yang diadakan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Mazlin, yang memulakan kerjayanya di TV3 sejak 1 Feb 1991 sebagai wartawan, merupakan penerbit dokumentari Majalah 3, Potret Kejayaan dan yang terbaru Misteri Nusantara.

Sepanjang penglibatannya dengan stesen televisyen swasta itu, beliau pernah menerima beberapa anugerah berprestij seperti Anugerah Skrin TV3, Anugerah Kewartawanan Shell, Anugerah Kewatawanan ICI-CCM dan Anugerah Skrin TV3-Filem Terbaik "Baginda".

Muhamad Nabil pula telah berkhidmat selama 12 tahun dengan Infineon Technologies (Integrated Circuit) Sdn Bhd, dan telah banyak menyumbangkan ilmu, pengalaman, kemahiran serta tenaganya ke arah mempertingkatkan kecemerlangan syarikatnya.

Antara inovasi dan ciptaan terbarunya ialah "Project Visualisation Pilot Run" yang berjaya dalam penjimatan kos RM700,000, manakala program "Yield and Quality" menjimatkan hampir RM6.9 juta.

Sementara itu, Penolong Pereka Bentuk Multimedia Celcom (M) Bhd Norisah Bahrom, yang cacat kaki, dipilih sebagai Tokoh Pekerja Perempuan Kurang Upaya.

Norisah yang tidak boleh berjalan adalah seorang yang aktif dalam kegiatan bersukan terutama Sukan Tennis Berkerusi Roda.

Beliau yang berpegang kepada prinsip "kecacatan bukanlah satu penghalang untuk menempah kejayaan" memulakan kerjanya dengan Rumah Insaniah Dr Siti Hasmah sebelum menyertai Celcom sebagai penginput data.

Sementara guru Mohamed Ismail, yang cacat penglihatan, dipilih sebagai Tokoh Pekerja Lelaki Kurang Upaya.

Mohamed yang merupakan pengasas Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia cawangan Terengganu, sebelum ini pernah menerima anugerah Tokoh Guru Cemerlang peringkat sekolah pada 1999 dan Tokoh Orang Kurang Upaya Terengganu pada 1995.

Beliau mempunyai kebolehan bersajak, mencipta lagu, memberi ceramah motivasi dan cekap dalam permainan catur.

Panasonic Communications (M) Sdn Bhd menerima anugerah Majikan Berdaya Saing bagi kategori syarikat besar, Secret Recipe Cakes and Cafe Sdn Bhd bagi anugerah majikan berdaya saing kategori industri kecil dan sederhana.

Elektrisola (M) Sdn Bhd (Majikan Prihatin), Felda Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah (anugerah Ladang Bahagia), Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU) (anugerah kesatuan sekerja contoh bagi sektor awam) dan Kesatuan Sekerja Bank Sabah (bagi sektor swasta).

-- BERNAMA

HS HK RHM